**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA KUALITI**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**
**KALI KE - 56**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 21 Februari 2023 (Selasa) |
| Masa | : | 9.00 pagi – 12.15 tengahari |
| Tempat | : | Dewan Senat, Bangunan Canselori Putra, UPM & Secara dalam talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting* |
| Kehadiran | : | Sepertimana di **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 56.0** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi:<br><br>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-56 ini. | **Makluman** |
| | (d) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu, iaitu:<br><br>(i) Cik Siti Ima Munirah Ahmad, dilantik selaku Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) bermula pada 1 Februari 2023;<br><br>(ii) Puan Yatimulea Ramli, dilantik selaku TWP PP Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) bermula pada 10 Januari 2023;<br><br>(iii) Puan Noorizajune Abu Bakar, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) bermula pada 31 Januari 2023; dan<br><br>(iv) Puan Haliena Azhar, dilantik selaku TWP PTJ Institut Kajian Perladangan (IKP) bermula pada 16 Januari 2023. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut:<br><br>(i) Encik Mohd Zamanu Al-Mokhtadi Ekhwan, mantan TWP PP PPPA yang telah berkhidmat bagi tempoh 12 Februari 2019 hingga 9 Januari 2023;<br><br>(ii) Encik Johan Ali, mantan TWP PP Pusat Pertanian Putra (PPP) yang telah berkhidmat bagi tempoh 12 Februari 2019 hingga 9 Januari 2023; dan<br><br>(iii) Encik Wan Mohd Radzi Wan Ismail, mantan TWP PTJ IKP yang telah berkhidmat bagi tempoh 25 April 2022 hingga 15 Januari 2023. | |
| **Minit 56.1** | **Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-55** | |
| | Minit Mesyuarat JKK Kali ke-55 yang telah diadakan pada 15 Disember 2022 disahkan tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **Minit 56.2** | **Perkara Berbangkit** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-55 seperti mana pada **Lampiran Agenda 3** yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap empat (4) perkara berikut: | **Makluman** |
| | (a) <u>Minit 55.2(b)</u> – mesyuarat mengambil maklum berhubung isu penemuan audit yang tidak ditutup melebihi tempoh disebabkan juruaudit tidak membuat penutupan walaupun tindakan telah diambil oleh PTJ. Sehubungan itu, mesyuarat meminta pihak PTJ melalui Penyelaras Audit Dalaman PTJ mengambil peranan yang proaktif dengan menghubungi juruaudit terlibat selepas bukti tindakan dimuat naik ke dalam PortalCQA bagi memastikan pengesahan penutupan ke atas NCR/OFI yang terlibat dapat dilaksanakan oleh Juruaudit dengan segera. | **TWP PP &TWP PTJ yang berkenaan** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (b) Minit 55.2(b) – Mesyuarat mengambil maklum cadangan supaya memantapkan lagi kaedah penutupan penemuan audit dalaman serta cadangan notifikasi yang dihantar kepada juruaudit ditambah baik dengan memaparkan No. OE yang terlibat, akan dipertimbangkan untuk penambahbaikan Sistem Audit Dalaman pada masa hadapan. | **PAD UPM** |
| | (c) Minit 55.3 (i) - mesyuarat mengambil perhatian berkaitan isu keselamatan penyediaan makanan bagi program /aktiviti pelajar UPM terutamanya yang melibatkan penyediaan makanan oleh pihak vendor seperti *food truck.* Mesyuarat meminta supaya pihak Universiti meneliti keperluan untuk mewujudkan SOP kawalan khusus bagi memastikan kualiti makanan dan tahap kesihatan penyedia makanan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. | **TWP PNC (Entiti PPKKP)** |
| | (d) Minit 55.4 (d) – Mesyuarat meminta PTJ yang belum mengemukakan bukti pelaksanaan tindakan OFI SIRIM Tahun 2022 supaya dapat melaksanakan tindakan sebelum atau pada 31 Mac 2023 bagi tujuan persediaan Audit Dalaman UPM Tahun 2023. | **TWP SPS, TWP PIU, TWP iDEC, TWP CADe, TWP FPP & TWP UPMKB** |
| **Minit 56.3** | **Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)** | |
| | (a) mengambil maklum Laporan Dokumentasi adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4** yang dibentang merangkumi tiga (3) perkara berikut:<br>(i) Cadangan Pindaan Dokumen Skop Pengurusan;<br>(ii) Sasaran dan Status Kemaskini Dokumen ISO Belum Pinda Tahun 2019; dan<br>(iii) Pengemaskinian Dokumen Rujukan ISMS. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum perubahan ke atas dokumen skop pengurusan ISO iaitu bagi Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003) hasil pengemaskinian proses berdasarkan pelaksanaan terkini. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan pindaan Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003) dengan penambahbaikan pada penulisan badan pensijilan untuk dikuatkuasakan pemakaiannya pada 28 Februari 2023. | **PKD, UPM** |
| | (d) mengambil maklum berhubung status pengemaskinian 243 dokumen ISO QMS dan ISMS yang belum dipinda dari tahun 2019 [dokumen yang telah cukup tempoh lima (5) tahun untuk semakan]. Sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 13 (5.35%) telah berjaya dikemaskini oleh peneraju proses manakala baki 230 (94.65%) dokumen lagi masih dalam peringkat semakan oleh peneraju proses. | **Makluman** |
| | (e) mengambil maklum mengenai sasaran peratusan dokumen ISO tahun 2019 siap disemak dan dikemaskini oleh peneraju proses mengikut tarikh kuatkuasa dokumen ISO adalah seperti berikut:<br><br>(i) Tarikh Kuatkuasa Dokumen pada 31 Januari 2023 – 5% (telah capai 5.35%);<br>(ii) Tarikh Kuatkuasa Dokumen pada 28 Februari 2023 – 30%;<br>(iii) Tarikh Kuatkuasa Dokumen pada 25 Julai 2023 – 60%; dan<br>(iv) Tarikh Kuatkuasa Dokumen pada 26 September 2023 – 100%. | **Makluman** |
| | (f) meminta peneraju proses terlibat membuat semakan terhadap baki 230 dokumen ISO belum pinda tahun 2019 masing-masing dan seterusnya membuat keputusan sama ada dokumen:<br><br>(i) **Dikekalkan** sekiranya tiada perubahan pada isi kandungan dokumen dan masih relevan dengan pelaksanaan semasa;<br><br>(ii) **Digabungkan** sekiranya dokumen bertindih fungsi/proses dengan dokumen lain; dan<br><br>(iii) **Digugurkan** sekiranya dokumen tidak lagi relevan dengan pelaksanaan terkini. | **TWP PASP, TWP PNC, TWP TNCAA (BKAD), TWP SPS, TWP Pej. TNCPI, TWP Pej. TNCHEPA, TWP Pej. Bursar, TWP Pej. Pendaftar, TWP PSAS,** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | | **TWP PKU, TWP PKKSSAAS, TWP PIU & TWP FPV** |
| | (g) mengambil maklum berhubung pemakaian Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) terkini yang boleh dirujuk melalui Portal eISO UPM mulai 28 Februari 2023. Pengemaskinian dokumen rujukan ISMS ini disebabkan aktiviti peluasan skop ISMS bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah serta dokumen sokongan lain yang terkait dengan pelaksanaan ISMS di UPM. Pindaan ini telah diteliti dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-27 pada 14 Februari 2023. | **Makluman** |
| **Minit 56.4** | **Laporan Audit** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Laporan Audit ISO yang merangkumi Laporan Status Penutupan Penemuan Audit Dalaman QMS dan ISMS UPM tahun 2022 dan Laporan Pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS Pusat Tanggungjawab tahun 2023 sepertimana **Lampiran Agenda 5** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum status penutupan Audit Dalaman QMS dan ISMS UPM Tahun 2022 sehingga 16 Februari 2023 adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| ISO | Kategori | Bilangan (%) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Tutup | Belum Tutup (dalam tempoh) | Belum Tutup (lebih tempoh) |
| QMS | NCR | 72 (52%) | 15 (11%) | 52 (37%) |
| | OFI | 128 (54%) | 32 (14%) | 76 (32%) |
| ISMS | NCR | 0 (0%) | 0 (0%) | 1 (100%) |
| | OFI | 13 (62%) | 0 (0%) | 8 (38%) |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) meminta PTJ yang terlibat mengambil tindakan bagi tujuan penutupan NCR dan OFI tahun 2022 yang berstatus belum ditutup. Sekiranya NCR dan OFI memerlukan tempoh tindakan yang lebih panjang, PTJ perlu meletakkan tarikh cadangan penutupan yang bersesuaian bagi memastikan tindakan ke atas penemuan yang diberikan dapat ditutup dengan berkesan. | **TWP PP & TWP PTJ yang berkenaan (rujuk Lampiran Agenda 5)** |
| | (d) mengambil maklum pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2023 bagi semua PTJ di UPM telah dijadualkan bermula 3 April sehingga 30 Jun 2023. Audit akan dilaksanakan secara bersemuka sepenuhnya. Pemakluman awal mengenai perkara ini telah dihebahkan kepada semua TWP PTJ semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-55 pada 15 Disember 2022. | **Makluman** |
| | (e) mengambil maklum berkaitan aliran proses pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2023 sebagaimana yang diperincikan dalam Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman UPM. Sehubungan dengan itu, semua PTJ adalah diminta untuk melaksanakan audit dalaman mengikut tempoh yang telah ditetapkan. | **Semua TWP PP & TWP PTJ** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 56.5** | **Laporan Pencapaian Objektif ISO**<br><br>**56.5.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) kategori objektif kualiti yang menterjemahkan pencapaian Sistem Pengurusan Kualiti adalah sepertimana berikut:<br><br>**(a) Laporan Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2022**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(i) mengambil maklum laporan pencapaian KPI tahun 2022 hasil Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Q4 Tahun 2022 pada 17 Januari 2023 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6 (a) (i)** yang dibentang.<br><br>(ii) mengambil maklum pencapaian keseluruhan KPI Q4 tahun 2022 berdasarkan **48 KPI yang diukur adalah sebanyak 94.54%** iaitu dengan **29 KPI mencapai sasaran 100%**, **12 KPI mencapai sasaran sebanyak 75-99%**, **enam (6) KPI berada pada tahap pencapaian 0-74%** dan **satu (1) KPI belum dinilai**. Pecahan pencapaian KPI Q4 2022 berdasarkan skop adalah seperti berikut: | <br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br><br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | | |

| Komponen | Pencapaian (%) |
|---|---|
| Akademik & Antarabangsa | 92.00 |
| Penyelidikan & Inovasi | 82.65 |
| Hal Ehwal Pelajar & Alumni | 100.00 |
| Jaringan Industri & Masyarakat | 100.00 |
| Pertanian | 90.64 |
| Sumber Manusia | 97.18 |
| Pengurusan Kewangan dan Aset | 93.29 |
| Kemampanan Kewangan | 100.00 |
| Perkhidmatan Perpustakaan & ICT | 99.00 |

(iii) mengambil maklum tindakan pembetulan bagi enam (6) KPI yang tidak mencapai sasaran telah dibincangkan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Q4 Tahun 2022 pada 17 Januari 2023 dan Bengkel Penetapan Sasaran KPI Tahun 2023 pada 16 Februari 2023. Senarai KPI yang terlibat adalah: **Makluman**

- Program *Summer School*;
- Geran penyelidikan;
- IPR yang difailkan;
- Jurnal Q1 bersama Universiti Top 100;
- Peratusan staf sebagai Penyelidik Utama; dan
- Peratusan penjanaan pendapatan berbanding belanja mengurus.

(iv) mengambil maklum berkaitan strategi dan inisiatif penambahbaikan KPI tahun 2023 bagi skop Akademik dan Antarabangsa, Penyelidikan dan Inovasi serta Pengurusan Kewangan dan Aset adalah seperti pada **Lampiran Agenda 6 (a) (i)** yang dibentang. **Makluman**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | **(b) Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2022**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (i) mengambil maklum Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras (PFA) bagi tempoh Januari hingga Disember 2022 serta penetapan pengukuran dan sasaran PFA tahun 2023 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6 (a)(ii)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (ii) mengambil maklum daripada **74 petunjuk prestasi yang diukur**, sebanyak **67 (90.54%) petunjuk prestasi mencapai sasaran** dan **tujuh (7) (9.46%) petunjuk prestasi tidak mencapai** sasaran. Pecahan pencapaian petunjuk prestasi berdasarkan skop proses adalah seperti berikut:<br><br>• Proses Prauniversiti – 100% (3/3);<br>• Proses Perkhidmatan Utama – 90.91% (10/11);<br>• Proses Sokongan – 81.82% (9/11); dan<br>• Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan – 91.84% (45/49). | **Makluman** |
| | (iii) meminta peneraju proses terlibat melaksanakan tindakan pembetulan/ penambahbahbaikan terhadap petunjuk prestasi PFA tahun 2022 yang tidak mencapai sasaran sebagaimana cadangan yang telah dikemukakan. Senarai petunjuk prestasi Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2022 yang tidak mencapai sasaran adalah seperti di **Lampiran B.** | **TWP PNC (PSPK), TWP SPS, TWP Pej. Bursar, TWP PKKSSAAS & TWP CALC** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (iv) bersetuju mengesahkan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2022 serta meluluskan cadangan perubahan ke atas 15 petunjuk prestasi dan sasaran untuk pengukuran tahun 2023 dengan cadangan penambahbaikan berikut: | **KB PKP** |
| | • penulisan **tindakan pembetulan** bagi petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran tahun 2023 iaitu **“Peratusan penilaian prestasi pembekal 2 kali setahun yang mendapat skor 60% dan ke atas”** ditambahbaik supaya tidak bersifat proses semata-mata bagi memastikan keberkesanan tindakan pembetulan yang akan diambil. Antara tindakan pembetulan yang dicadangkan adalah seperti pemotongan pembayaran, pengeluaran surat amaran dan pemantauan prestasi pembekal mengikut sukuan tahun. | **TWP Pej. Bursar** |
| | **(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2022** | |
| | (i) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan bagi Tempoh Januari hingga Disember 2022 merangkumi skop Perkhidmatan Utama iaitu Prasiswazah, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Proses Sokongan adalah sepertimana pada **Lampiran Agenda 6 (a) (iii)** yang telah dibentang. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (ii) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 150 piagam pelanggan bagi skop proses utama dan proses sokongan yang telah diukur bagi tempoh Januari hingga Disember 2022 adalah seperti berikut:<br><br>• Proses Utama sebanyak 26 piagam pelanggan dengan 21 mencapai sasaran dan lima (5) tidak mencapai sasaran; dan<br><br>• Proses Sokongan sebanyak 124 piagam melibatkan 33 PTJ dengan 104 mencapai sasaran dan 20 tidak mencapai sasaran. | **Makluman** |
| | (iii) Mesyuarat mengambil maklum justifikasi bagi lima (5) piagam pelanggan proses utama dan 20 piagam pelanggan proses sokongan yang tidak mencapai sasaran adalah seperti di **Lampiran C.** | **Makluman** |
| | (iv) Mesyuarat meminta Peneraju Proses terlibat melaksanakan tindakan pembetulan/ penambahbahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2022. | **TWP PNC, TWP SPS, TWP TNC JINM, TWP Pej. BURSAR, TWP PPPA, TWP PKU, TWP PUPM, TWP CADe, TWP iDEC & TWP PPUU** |
| | (v) Mesyuarat meminta supaya pelaporan piagam pelanggan pada masa akan datang ditambahbaik dengan melaporkan punca dan tindakan pembetulan bagi piagam pelanggan proses utama dan sokongan yang tidak mencapai sasaran. | **PKPU, UPM** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **56.5.2 Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Bagi Tempoh Januari Hingga Disember Tahun 2022** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan pencapaian objektif ISMS bagi tahun 2022 dan cadangan penetapan objektif ISMS bagi tahun 2023 adalah sepertimana pada **Lampiran Agenda 6 (b)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum kesemua empat (4) objektif ISMS yang diukur pada tahun 2022 telah mencapai sasaran yang ditetapkan. | **Makluman** |
| | (c) bersetuju mengesahkan pencapaian objektif ISMS tahun 2022 serta meluluskan cadangan perubahan dan penetapan objektif keselamatan maklumat bagi tahun 2023 iaitu sebanyak empat (4) objektif sedia ada dikekalkan dan dua (2) objektif baharu diwujudkan berkaitan aktiviti perluasan skop pendaftaran pelajar baharu siswazah untuk dipantau pengukurannya sepanjang tahun 2023. | **TWP ISMS** |
| **Minit 56.6** | **Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO Tahun 2022** | |
| | **56.6.1 Laporan Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS 2022 yang merangkumi tiga (3) skop utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Masyarakat sepertimana pada **Lampiran Agenda 7 (a)** yang telah dibentang. | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(b) senarai pihak berkepentingan QMS dan skop kajian adalah seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th>SKOP KAJIAN</th><th>PENERAJU</th><th>TEMPOH KAJIAN</th><th>PIHAK BERKEPENTINGAN</th></tr>
<tr><td>PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN</td><td>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)</td><td>APRIL - OGOS 2022</td><td>• BAKAL PELAJAR<br>• PELAJAR TAHUN 2<br>• PENAJA</td></tr>
<tr><td>PENYELIDIKAN DAN INOVASI</td><td>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)</td><td>APRIL – JUN 2022</td><td>• PENYELIDIK<br>• INDUSTRI</td></tr>
<tr><td>JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT</td><td>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)</td><td>OGOS – OKTOBER 2022</td><td>• STAF UPM<br>• INDUSTRI<br>• KOMUNITI</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(c) maklum balas Skop Pengajaran dan Pembelajaran – Penaja melibatkan 37 responden dengan 25 soalan dan hasil dapatan kajian seperti berikut:<br>- 89.30% responden memilih skala 3 dan ke atas; dan<br>- purata mean adalah 3.86 daripada skala 5.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(d) maklum balas Skop Pengajaran dan Pembelajaran – Pelajar melibatkan 412 responden dengan 40 soalan dan hasil dapatan kajian seperti berikut:<br>- 91.46% responden memilih skala 3 dan ke atas; dan<br>- purata mean adalah 3.77 daripada skala 5.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(e) terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju berdasarkan skor skala penilaian yang kurang memuaskan seperti berikut:<br>
<table>
<tr><th>SOALAN PENAJA</th><th>SKOR</th></tr>
<tr><td>Penaja memberi tajaan tanpa komitment untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya.</td><td>2.68</td></tr>
<tr><td>Penaja tidak menggalakkan pelajar menukar program pengajian</td><td>2.00</td></tr>
</table></td><td>TWP Pej. TNC AA & TWP SPS</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

| SOALAN PELAJAR | SKOR |
|---|---|
| Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan 'tempoh menunggu' di antara tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah) (Nota: Soalan No. 6 ini hanya perlu dijawab oleh pelajar siswazah dalam mod penyelidikan) | 0.90 |
| Proses pendaftaran kursus setiap semester adalah mudah dan tidak membebankan | 2.55 |
| Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan | 2.61 |

(f) beberapa soalan kajian bagi Penaja telah dipinda atau dimansuhkan bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih tepat, seperti jadual dibawah:

**Makluman**

| SOALAN ASAL | SOALAN BAHARU / MANSUH |
|---|---|
| 1. Penaja komited untuk mengambil pelajar yang ditaja untuk berkhidmat dengannya. | Penaja memberi tajaan tanpa komitmen untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya |
| 2. Tajaan biasiswa dibuat dengan tujuan mendapatkan calon yang sesuai untuk dilantik sebagai pegawai di organisasi penaja | Mansuh |
| 3. Universiti sentiasa menghantar keputusan semester pelajar kepada penaja | Mansuh |
| 4. Penyampaian keputusan semester pelajar kepada penaja dibuat dalam tempoh yang munasabah. | Mansuh |
| 5. Penaja tiada halangan pelajar tajaan menukar program pengajian. | Penaja tidak mengalakkan pelajar menukar program pengajian |

(g) status kajian bagi **Skop Penyelidikan dan Inovasi** adalah seperti berikut:

**Makluman**

| PIHAK BERKEPENTINGAN | STATUS KAJIAN |
|---|---|
| **PENYELIDIK** | Kajian tidak dijalankan. Soalan kajian dalam semakan dan dijangka akan mula digunakan dalam kajian 2023 |
| **INDUSTRI** | Dapatan kajian telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK Kualiti Kali Ke-54 pada 5 Ogos 2022 (Minit 54.6.1) |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (h) maklum balas **Skop Jaringan Industri dan Masyarakat – Industri** melibatkan 79 responden dengan 10 soalan dan hasil kajian adalah seperti berikut:<br>- 99.4% responden memilih skala 3 dan ke atas; dan<br>- purata mean adalah 4.01 daripada skala 5. | **Makluman** |
| | (i) maklum balas **Skop Jaringan Industri dan Masyarakat – Staf UPM** melibatkan 113 responden dengan 32 soalan dan hasil kajian adalah seperti berikut:<br>- 73.04% responden memilih skala 3 dan ke atas<br>- purata mean adalah 3.70 daripada skala 5 | **Makluman** |
| | (j) maklum balas **Skop Jaringan Industri dan Masyarakat – Komuniti** melibatkan 1 responden dengan 5 soalan. Analisis kajian tidak dapat dilakukan kerana data yang tidak mencukupi. Justifikasi yang dikemukakan adalah pengedaran soalan secara dalam talian tidak mendapat maklum balas daripada kumpulan sasaran yang lebih cenderung memberi maklum balas secara fizikal semasa program. | **Makluman** |
| | (k) terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju berdasarkan skor skala penilaian yang kurang memuaskan seperti berikut: | **TWP Pej. TNC JINM** |

| SOALAN INDUSTRI | SKOR |
|---|---|
| Tiada | - |

| SOALAN STAF UPM | SKOR |
|---|---|
| Sistem Sokongan [Keseluruhannya, paparan Sistem HiStaf skop JINM mesra pengguna. | 2.84 |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **56.6.2 Laporan Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS**<br>Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2022 bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah adalah sepertimana **Lampiran Agenda 7 (b)** yang telah dibentang. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (b) **Kajian 1: Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Semasa Minggu Perkasa Putra Pada Sesi Kemasukan 2022/2023** melibatkan 3,289 responden daripada 3,569 pelajar baharu yang mendaftar secara dalam talian pada ambilan pertama dan kedua sesi 2022/2023 (92.2%) dengan analisis seperti berikut: | **Makluman** |

i. Demografi kajian




| Bil | Kolej | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Kolej Canselor | 320 |
| 2 | Kolej Tun Dr Ismail | 334 |
| 3 | Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah | 295 |
| 4 | Kolej Pendeta Zaaba | 374 |
| 5 | Kolej Sepuluh | 447 |
| 6 | Kolej Dua Belas | 487 |
| 7 | Kolej Tan Sri Aishah Ghani | 117 |
| 8 | Kolej Empat Belas | 478 |
| 9 | Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee | 368 |
| 10. | Kolej Sri Rajang (Universiti PutraMalaysia Kampus Bintulu Sarawak) | 69 |

ii. Analisis kajian:



| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|















| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | iii. Rumusan hasil kajian seperti berikut:<br><br>• Peratusan pelajar menjawab soal selidik sebanyak **92.2%** berbanding **88%** pada tahun 2021 (peningkatan **5.8%);**<br>• Soalan nombor 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.'** mendapat jumlah responden tertinggi memberikan skala 5 (86.3% / 2837 responden);<br>• Soalan nombor 5 iaitu **'Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.'** mendapat jumlah responden terendah memberikan skala 5 (71.5% / 2352 responden); dan<br>• Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan **96%** menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM sesi 2022/2023 berpuashati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia (sasaran adalah 80%).<br><br>iv. Cadangan penambahbaikan oleh responden:<br><br>• Memelihara maklumat pelajar dengan menyediakan sistem keselamatan edaftar yang sangat ketat;<br>• Menghantar surat menggunakan emel serta mempunyai kata laluan tersendiri untuk membuka surat tersebut bagi memastikan maklumat peribadi pelajar terpelihara; | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | • Pihak UPM perlu memastikan maklumat pelajar tidak didedahkan kepada pihak ketiga;<br>• Memastikan tiada perubahan surat tawaran pada saat akhir untuk kelancaran pendaftaran;<br>• Meningkatkan lagi tahap keselamatan maklumat peribadi dengan menambah bilangan sekuriti di dalam sistem yang dibangunkan. Contohnya seperti Menggunakan sistem keselamatan dua langkah seperti captcha, OTP (*one time password*); dan<br>• Memberi makluman/paparan sebelum proses pendaftaran secara dalam talian yang menyatakan maklumat adalah sulit dan dan keselamatan maklumat dipelihara dengan baik oleh pihak UPM.<br><br>(c) **Kajian 2: Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Semasa Minggu Perkasa Putra Bagi Sesi Akademik 2022/2023 di Kampus Bintulu** yang melibatkan 211 responden semasa pendaftaran pelajar baharu Ambilan Program Diploma dan Persediaan Diploma Sains dengan analisis seperti berikut:<br><br>i. Demografi kajian<br><br><br> | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | ii. Analisis kajian<br><br>**SOALAN / PURATA MIN**<br>1. Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kadpengenalan dan alamat surat - menyurat adalah tepat. — 4.74<br>2. Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja — 4/74<br>3. Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan — 4.73<br>4. Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem e-Daftar SMP terpelihara — 4.74<br>5. Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran — 4.64<br>6. Saya mendapati Sistem e-Daftar SMP memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia. — 4.60<br><br>iii. Rumusan hasil kajian:<br><br>• Soalan nombor 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat** telah mendapat jumlah responden tertinggi memberikan skala 5 (81.04% / 171 responden).<br>• Soalan nombor 5 iaitu **'Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.'** telah mendapat jumlah responden terendah memberikan skala 5 (72.04% / 152 responden).<br>• Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan **95.9%** menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM sesi 2022/2023 berpuas hati dengan ISMS dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia. (Sasaran 80%).<br><br>iv. Cadangan penambahbaikan oleh responden:<br><br>• Urusan muat turun borang pemeriksaan kesihatan sepatutnya diberi kemudahan untuk muat turun tidak mengikut turutan agar memudahkan pengurusan masa | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

melakukan pemeriksaan kesihatan terutamanya untuk ujian darah (G6PD).

- Memberikan pelajar baharu masa lebih untuk mengisi edaftar misalnya 2 minggu.
- Website yang telah dibina adalah terbaik dan responsif, tiada tambah baik perlu dilakukan.
- Bahagian pendaftaran dapat diakses pada bila masa - masa agar pelajar tidak perlu mengambil masa yang lama untuk mendaftar.

(d) **Kajian 3: Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2021/2022** yang melibatkan seramai 427 responden pelajar diploma dan 3,041 responden pelajar bacelor dengan analisis seperti berikut:

**Makluman**

i. Secara keseluruhan, 81.98% (n=3468) pelajar memberikan penilaian antara 4.00 – 5.00 terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM. Manakala 18.01% (n=762) memberikan penilaian <4.00.

**Makluman**

| Bil | Julat skor | Tahap pencapaian | Frekuensi | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Bil. | Peratus | Peratus |
| 1 | <3.50 | Tidak memuaskan | 251 | 5.93 | 18.01 |
| 2 | 3.50 - 3.99 | Sederhana | 511 | 12.08 | |
| 3 | 4.00 - 4.49 | Baik | 2,210 | 52.25 | 81.99 |
| 4 | 4.50 - 5.00 | Cemerlang | 1,258 | 29.74 | |
| | | Jumlah | 4,230 | 100.00 | 100.00 |

ii. Pencapaian mengikut item adalah pada tahap baik (julat min 4.18 - 4.29) dengan skor min keseluruhan item ialah 4.24 seperti berikut:

**Makluman**

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>

| Item | Skor (Min) |
|---|---|
| 1. Saya yakin bahawa maklumat peribadi saya dirahsiakan | 4.29 |
| 2. Saya yakin terhadap integriti maklumat dalam Sistem Penilaian Pengajaran | 4.18 |
| 3. Saya berpuas hati dengan ketersediaan Sistem Penilaian Pengajaran | 4.25 |
| Keseluruhan | **4.24** |

</td><td></td></tr>
<tr><td>Minit 56.7</td><td>Laporan Penilaian Risiko ISO<br><br>56.7.1 Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br>(a) Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) sepertimana Lampiran Agenda 8 (a) yang telah dibentang adalah seperti berikut:<br><br>i. Jumlah keseluruhan penyataan isu bagi tahun 2022 adalah sebanyak 415 dengan 326 isu dalaman dan 89 isu luaran bagi 70 PTJ.<br>ii. Penilaian Pertengahan Tahun Kedua HY2 2022 mendapati 161 risiko rendah (39%), 227 risiko sederhana (55%), 19 risiko tinggi (4%) dan 8 risiko belum nilai (2%).</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) tindakan PTJ bagi mengawal risiko melalui kaedah tolak ansur, rawat, pindah, hapus dan belum nilai. Risiko boleh dihapuskan dari senarai risiko PTJ pada tahun berikutnya sekiranya tahap penilaian risiko adalah ‘Rendah’ selama dua tahun berturut-turut atau risiko tersebut tidak lagi relevan dengan operasi PTJ.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)terdapat penurunan bilangan isu sebanyak 26 untuk tahun 2022 (415) berbanding 2021 (441) tetapi penilaian risiko tinggi meningkat dari 14 kepada 19.</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (d) senarai risiko tinggi sebanyak 19 dengan pecahan mengikut fungsian/operasi seperti berikut:<br><br>i. Infrastruktur/persekitaran – 9<br>ii. Pentadbiran/perkhidmatan – 4<br>iii. Teknologi maklumat dan komunikasi – 2<br>iv. Penyelidikan – 2<br>v. Keselamatan/kesihatan – 1<br>vi. Pengajaran – 1 | **Makluman** |
| | (e) meminta agar risiko yang hendak dipindahkan perlulah dikomunikasikan dengan PTJ yang akan menerima atau berkongsi risiko tersebut supaya tindakan dapat diambil. | **Semua TWP PP & TWP PTJ** |
| | **56.7.2 Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) sepertimana **Lampiran Agenda 8 (b)** yang telah dibentang dengan keterangan seperti berikut: | |
| | (a) Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) terkini (semakan Mac 2022) sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-54 pada 5 Ogos 2022; | **Makluman** |
| | (b) pelaksanaan Bengkel Penilaian Risiko bagi Peluasan Skop Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah telah diadakan pada 9 Februari 2023; dan | **Makluman** |
| | (c)Cadangan Bengkel Penilaian Risiko ISMS (semua Pasukan) pada 15 hingga 16 Mac 2023 sebagai persediaan menghadapi Audit Dalaman ISMS Tahun 2023. | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td>Minit 56.8</td><td>
Laporan Latihan Universiti<br><br>
Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>
(a) Laporan Latihan Universiti sepertimana Lampiran Agenda 9 yang dibentang berkaitan pencapaian 18 mata CPD (3 hari) Latihan staf UPM dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) tahun 2022.<br><br>
(b) status pencapaian 18 jam latihan staf Universiti Putra Malaysia (UPM) sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut :<br><br>
Staf Bukan Akademik
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Pencapaian Jumlah Jam/ Hari Latihan</th><th>Peratus (%) & Bilangan Staf</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pencapaian 18 jam latihan (≥ 3 hari)</td><td>98.88%<br>(4864 orang)</td></tr>
